

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR]

TARIKH : 10.06.2015 (RABU)

DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan "sistem kupon" dalam sistem pembelian runcit seperti di Amerika Syarikat dan di negara maju lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan agar sistem kupon dalam sistem pembelian runcit seperti yang diamalkan di luar negara dapat diperkenalkan di Malaysia.

Kerajaan melihat perkara ini adalah inisiatif industri seperti yang terdapat di Amerika Syarikat dan negara-negara lain di mana pihak industri menawarkan potongan harga dan lain-lain ganjaran sekiranya pelanggan mengemukakan kupon semasa pembayaran.

Sememangnya terdapat beberapa pasar raya besar seperti TESCO, Giant, AEON Big dan MYDIN ada menyediakan insentif berkenaan kepada pengguna-pengguna yang membeli barang-barang di pasar raya berkenaan melalui penawaran potongan harga, ganjaran atau kupon.

Manakala Kerajaan melalui inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), melibatkan perkongsian Rakan Dagang, iaitu syarikat-syarikat swasta tertentu yang terlibat dalam inisiatif ini telah menyediakan platform kepada pemegang-pemegang seperti pemegang Kad Skuad Pengguna, Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M), 1Malaysia Privilege Card (1MPC), Kad Bekas Tentera (KBT), Kad Orang Kurang Upaya (OKU) dan Kad Pesara Kerajaan agar mereka dapat berbelanja dengan potongan harga yang berpatutan. Sehingga bulan April 2015, sebanyak 2,316 buah syarikat telah bersetuju menjadi Rakan Dagang kepada program ini. Kadar diskauan yang telah dipersetujui adalah di antara 5% hingga 40% tertakluk kepada terma dan syarat.

Justeru, Kerajaan amat menggalakkan inisiatif-inisiatif berkenaan yang dapat membantu golongan berpendapatan rendah dalam mendapatkan barangan keperluan asas pada harga yang rendah dan secara tidak langsung membantu menghadapi bebanan kos sara hidup yang kian meningkat.